

22/04/2003

Usaha sama pelaburan Malaysia-UAE ditubuh

TAN Sri Syed Mokhtar Albukhary, menubuhkan sebuah usaha sama dengan modal dibenarkan RM1 bilion yang akan membuat pelaburan dalam pelbagai sektor strategik yang pesat berkembang.

Usaha sama itu ditubuhkan dengan Mohamed Ali Alabbar, seorang usahawan terkemuka dari Emiriyah Arab Bersatu (UAE), yang menetap dan bekerja di rantau ini sejak lebih sedekad lalu.

Syed Mokhtar berkata, usaha sama itu akan bertumpu kepada pelaburan dalam sektor utiliti, aluminium, penjana kuasa, kewangan dan hartanah yang pesat berkembang di Asia Tenggara.

"Usaha sama ini juga akan digunakan untuk menarik pelaburan langsung asing (FDI) dari seluruh dunia terutama dana Asia Barat yang sedang mencari peluang pelaburan baru," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di Kuala Lumpur, semalam. Majlis memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bagi penubuhan usaha sama itu diadakan di Kuala Lumpur, akhir Februari lalu.

MOU itu dimeterai di antara Syed Mokhtar dan Mohamed Ali dengan disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Syed Mokhtar berkata, syarikat baru itu juga akan melabur dalam syarikat tempatan, serantau dan sektor ekonomi utama yang menawarkan peluang pertumbuhan modal.

"Ia akan berusaha menghasilkan nilai pemegang saham yang berterusan dengan tumpuan awal diberikan kepada pelaburan dalam sektor utama dan diikuti bidang pertumbuhan baru." katanya.

Sementara itu, Mohamed Ali berkata, menerusi gabungan peluang pelaburan menarik di Asia Tenggara dan kepakaran serta sumber yang ada pada Syed Mokhtar, akan mengukuhkan kepercayaan pelabur terhadap Malaysia dan rantau ini.

"Selepas menganalisis aliran ekonomi dunia, kami yakin sekarang adalah masa paling sesuai untuk membuat pelaburan di rantau Asean," katanya.